

Para Pelanggan Yang Dihargai,

Kami ingin menjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan topik yang kini hangat dibincangkan di media sosial dan berita baru-baru ini.

Pandemik COVID-19 adalah masalah global yang telah mengganggu rantai bekalan di seluruh dunia, menyebabkan kemerosotan atau penutupan pelbagai perniagaan dan kehilangan mata pencarian bagi ramai orang. Malaysia juga tidak terkecuali dari krisis global ini.

Walaupun terdapat tanggapan orang ramai bahawa lonjakan jumlah bungkusan semasa PKP menunjukkan bahawa perniagaan adalah baik untuk Pos Malaysia, sebenarnya ia tidak seperti yang disangka. Ia tidak cukup untuk mengatasi impak keseluruhan yang disebabkan oleh pandemik ini terhadap perniagaan kami.

Walaupun Pos Malaysia menghadapi masa yang sukar, kami terus berusaha untuk menjaga kebajikan lebih 15,000 pekerja barisan hadapan dan pekerja sokongan operasi dan memastikan keperluan mereka diutamakan. Di ketika pelbagai sektor lain negara ini yang terjejas teruk melaksanakan pemotongan gaji, pengurangan pekerjaan atau langkah-langkah drastik yang lain, kami terus berusaha gigih bagi memastikan masa depan para kakitangan ini dilindungi.

Kami tidak dapat menghalang segala persepsi mengenai kami. Namun, kami memberi jaminan kepada semua bahawa kami sentiasa mementingkan kebajikan kakitangan kami dan memberi sokongan sebaik yang mungkin pada masa ini.

Ramadan kini berada di penghujungnya. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan dan masyarakat atas semua dorongan dan sokongan sepanjang masa yang mencabar ini. Terima kasih kerana tetap bersama kami. Kami ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua, Maaf Zahir dan Batin.

Yang ikhlas,
Pos Malaysia

Dear Valued Customers,

We would like to clarify a few matters related to the commentaries that surfaced on social media and the news recently.

The COVID-19 pandemic is a global issue that is affecting supply-chains worldwide, causing the weakening or closing of businesses and the loss of livelihoods for many. Malaysia is also not excluded from this global crisis.

Despite public impression that the surge of parcel volume during the MCO is showing that business is good for Pos Malaysia, the truth is, we are far from it. It is not enough to cushion the impact that pandemic has caused on our overall business.

Although Pos Malaysia is facing a difficult time, we continue to protect the livelihood of over 15,000 front liners and operational support employees and ensure that their needs are prioritised. While many severely impacted sectors in the country resorted to salary reductions, job cuts or other drastic measures, we continue to strive hard in ensuring that these employees' future are protected.

We can't stop the general perception against us right now. But we assure everyone that we have our people's welfare at heart, and we are providing them the best support as we possibly can at this time.

As the end of Ramadan draws closer, we wish to thank our valued customers and the public for all the well wishes, encouragement and support during this challenging time. Thank you for being with us this far. Wishing everyone a Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Yours faithfully,
Pos Malaysia